

18/06/2002

Malaysia serah kepada Singapura buat keputusan

Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia menyerahkan kepada Singapura untuk memersetujui formula penetapan harga air bagi menyelesaikan isu itu serta isu tertunggak lain yang sudah lama berlarutan, pada perbincangan peringkat pegawai pada 1 dan 2 Julai ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia sudah menyatakan pendiriannya serta mengesyorkan formula penyelesaian kepada Singapura, termasuk menerusi surat yang disampaikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

Katanya, Malaysia juga sentiasa mengambil sikap munasabah bagi menyelesaikan isu berkenaan dan menganggap Singapura sebagai negara jiran rapat yang memerlukan jalinan persefahaman yang baik.

"Bagi Malaysia, bila kita bersetuju mengadakan perbincangan, niat kita ialah supaya dapat berunding untuk mencapai persetujuan. Perjanjian bergantung kepada persetujuan dua pihak, terpulanglah kepada Singapura.

"Saya tidak mahu membuat ramalan, semuanya bergantung kepada Singapura untuk rundingan itu akan mencapai sesuatu," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan cek sumbangan kemanusiaan Malaysia bernilai AS\$20,000 (RM76,000) kepada Duta Besar Cuba, Teresita Fernandez Diaz, di sini, hari ini.

Beliau mengulas harapan Malaysia berhubung mesyuarat peringkat pegawai kedua-dua negara di sini bagi merundingkan penyelesaian kepada isu tertunggak itu secara pakej.

Selain isu air, mesyuarat itu turut akan merundingkan isu pengeluaran caruman Kumpulan Simpanan Wang Pusat (CPF), tanah milik Keretapi Tanah Melayu Bhd, penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat Singapura.

Bulan lalu Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, menyatakan hasrat republik itu untuk menyelesaikan segera isu berkenaan bagi membolehkan kedua-dua negara dapat bekerjasama dalam menangani masalah serantau.

Dr Mahathir pula berkata, Malaysia memang mahu menyelesaikan segera isu tertangguh dalam hubungan dua hala dengan Singapura, tetapi republik itu perlu mempunyai sikap bertolak ansur dan menerima hak dan syarat yang ditetapkan negara ini.

Mengenai formula penetapan harga itu, Syed Hamid berkata Malaysia mahukan mekanisme yang dapat mengelakkan kontroversi pada masa depan selain mempercepatkan proses penetapan harga air di antara kedua-dua negara.

"Kita tidak mahu kesukaran atau kontroversi," katanya.

Mengenai kenyataan Goh bahawa formula itu hanya akan diguna pakai dalam perjanjian baru selepas 2061 bukan dalam perjanjian sekarang, Syed Hamid sebab itulah perkara itu perlu dibincangkan.

(END)